



Pekerja ladang cedera diserang gajah liar

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - Julai 6, 2022 @ 6:52pm

bhnews@bh.com.my



KUANTAN: Seorang pekerja am ladang kelapa sawit di Mentakab, Temerloh patah pergelangan kaki kiri selepas dipercayaikan dipijak gajah liar di kawasan ladang tempatnya bertugas pada jam 8 pagi semalam.

Mangsa lelaki berusia 55 tahun turut mengalami kecederaan pada bahagian badan dan kini menerima rawatan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS), Temerloh.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Pahang, Rozidan Md Yasin, berkata pihaknya menerima aduan kejadian berkenaan pada jam 4.15 petang semalam dan segera membuat siasatan berhubung kemalangan terbabit.

Menurutnya, siasatan mendapati ladang tempat lelaki terbabit bekerja terletak bersempadan dengan Hutan Simpan Kemasul dan rekod jabatan memang terdapat beberapa kumpulan gajah liar di hutan simpan berkenaan.

Katanya, difahamkan selepas kejadian mangsa menghubungi penolong pengurus ladang tempatnya bekerja untuk mendapatkan bantuan sebelum diantar ke HoSHAS.

"Di tempat kejadian kita menemui sepasang kasut, topi dan sebotol air mineral dipercayai milik mangsa, terdapat banyak kesan tapak kaki gajah liar di lokasi berkenaan.

"Dipercayai terdapat sekurang-kurangnya tujuh ekor gajah bergerak dalam satu kumpulan yang menyerang lelaki terbabit," katanya, di sini hari ini.

Beliau menambah, pihaknya masih tidak dapat memastikan situasi sebenar dan punca kejadian kerana masih tidak dapat bertemu dengan mangsa yang sedang menerima rawatan di hospital.

Rozidan berkata, pihaknya perlu bertemu dengan mangsa bagi mendapat cerita sebenar bagaimana kejadian boleh berlaku yang menyebabkan dia (mangsa) mengalami kecederaan serius.

"Kakitangan PERHILITAN Temerloh kini membuat pemantauan situasi pergerakan kumpulan gajah di situ bagi rancangan tindakan lanjut selepas ini.

"Saya menasihatkan kepada mana-mana pihak supaya tidak cuba bertindak dengan tujuan menghalau dan menghalang gajah liar kerana perbuatan itu boleh mengundang perkara yang tidak diingini, mereka perlu menghubungi PERHILITAN yang mempunyai kepakaran," katanya.